



FATIMAH AWANG bersama anaknya Mohd. Rizam Yop melihat air melimpah di luar pagar rumahnya di Kampung Alor Jawi, Jalan Langgar Alor Star semalam.

GAMBAR KIRI: Noraziah Abdul Rahman bersama anak-anaknya membalut ketupat palas bagi menyambut Aidilfitri di rumah mereka yang dilanda banjir di Kampung Gurun, Kepala Batas, Pulau Pinang semalam.

KOSMO 24/10/2006

Hujan tak henti, raya dalam air

Oleh A. KARIM AHMAD
dan ABD RAZAK OSMAN
berita@kosmo.com.my

KANGAR – Aidilfitri bersama banjir. Keadaan itulah yang mungkin akan dilalui penduduk di beberapa kampung di Perlis, Pulau Pinang dan Kedah.

Malah di Pendang, Kedah, kelmarin, seorang budak lelaki mati lemas selepas dia terjatuh ke dalam parit yang arusnya deras. Bagaimanapun difahamkan kampung mangsa tidak terlibat dalam kejadian banjir.

Di Kangar, kampung terbahit dengan banjir ialah, Hutan Kandih, Jelempek, Kampung Sena, Kampung Paloh dan Titi Besi di kawasan Guar Sanji serta Padang Telela, Ulu Pauh dan Kampung Katong di kawasan Pauh.

Seorang suri rumah, Sofiah Man, 63, berkata, lantai rumahnya ditenggelami air kira-kira 0.5 meter dan ini menyukarkan pergerakannya lebih-lebih lagi dalam keadaan sibuk membuat persiapan menyambut Hari Raya.

“Tidak ada apa yang menyeronokkan raya tahun ini sekiranya keadaan ini berterusan sehingga esok (hari ini),” kata Sofiah.

Siti Bedah Yahya, 47, pula berkata, dia serta lima anaknya terpaksa berpindah ke dewan Kampung Jelempek apabila rumahnya dinaiki air sedalam kira-kira satu meter.

“Macam mana nak raya kalau tidak boleh balik rumah,” katanya sedih.

Difahamkan, sehingga kini hanya 10 daripada 82 keluarga di lima buah kampung di Guar Sanji dipindahkan ke pusat pemindahan Dewan Orang Ramai Jelempek dan Kampung Sena.

Sementara itu, di Kepala Batas, Pulau Pinang lebih 20 keluarga di Kampung Kota Aur, Gurun dan Bumbung Lima di sini masih berendam banjir.

Akibatnya penduduk terbabit terpaksa menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan 'termenung' kerana tidak dapat bergembira.

Hujan lebat di daerah itu menyebabkan air di Sungai Muda di sini melimpahi tebing dan menenggelamkan rumah penduduk kampung

di situ bermula pukul 1 pagi semalam.

Penduduk mendakwa, ada di antara mereka terpaksa bangun kira-kira pukul 2 pagi bagi memindah barang-barang persiapan raya termasuk kuih dan baju raya, sofa serta barangan elektrik sebaik sahaja air naik secara tiba-tiba.

Penduduk Kampung Gurun, Mohd. Zaini Yaakob, 29, berkata, air Sungai Muda bertambah deras mulai pukul 10 malam kelmarin dan mula melimpah ke tebing pukul 1 pagi.

“Saya sempat bangunkan anak-anak dan kemudian memindah peralatan-peralatan elektrik mahu melepaskan raya dengan meneruskan persiapan menyambut hari raya seperti membuat lemang, ketupat dan lain-lain

Sementara itu di Alor Star pula, meskipun paras air di beberapa kawasan di Kedah mula surut, namun ratusan mangsa banjir dijangka

menyambut ketibaan 1 Syawal hari ini di enam pusat pemindahan banjir.

Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu dan sesekali hujan, harapan mereka untuk pulang ke rumah masing-masing untuk menyambut Aidilfitri semakin tipis.

Siti Fatimah Bahador, yang ditemui di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Kodiang dekat sini berkata, dia terpaksa berhari raya di pusat pemindahan itu.

Segala persiapan hari raya sudah tidak bermakna lagi baginya dan enam anaknya kerana rumahnya di Pekan Kodiang dimasuki air sejak Jumaat.

Ibu tunggal itu adalah antara lebih 270 mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan berkenaan.

Jabatan Perkhidmatan Kajiucua Malaysia dalam berkata, ribut petir dan hujan lebat serta angin kencang yang kini melanda Perlis, dijangka berterusan hingga ke malam.

Ribut dan hujan lebat serta angin kencang juga diramalkan melanda Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.